

**Parlimen: Malaysia Tidak Berdiam Diri Berhubung Isu Syria - Kohilan Bernama
20 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia tidak berdiam diri, sebaliknya berpendirian tegas berhubung pergolakan yang berlaku di Syria, kata Timbalan Menteri Luar Senator A.Kohilan Pillay.

Beliau berkata melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Malaysia terus mendesak pihak yang berkenaan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan pergolakan di Syria.

"Malaysia juga menyokong resolusi yang dibawa oleh Kofi Annan (duta khas yang diberi mandat oleh Liga Arab-PBB) iaitu pelan enam perkara di mana negara ini meyokong pelan tersebut dalam menghentikan keganasan dan membolehkan rundingan terus dilakukan dalam menyelesaikan isu Syria ini secara damai," katanya.

Kohilan berkata Malaysia juga turut menyokong dengan memberi sokongan kepada pelan damai Liga Arab semasa mesyuarat khas OIC di Jeddah baru-baru ini pada November lalu.

"Pada 1 Jun lalu, di sesi khas Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva, Malaysia juga membuat kenyataan yang mengecam sekeras-kerasnya pembunuhan beramai-ramai di bandar Houla pada 25 Mei lalu dan menuntut supaya mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan," katanya ketika menjawab soalan tambahan Nasharudin Mat Isa (PAS-Bachok) pada persidangan Dewan Rakyat, pada Rabu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674292>